

CNS4420

U GB 16-04 00175 BA229

bah

Mahathir - Pesawat

MALAYSIA BUAT PESAWAT RINGAN DALAM TEMPOH DUA TAHUN, KATA PM

MELAKA, 16 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan Malaysia sudah mengambil-alih sepenuhnya ekuiti sebuah syarikat pembuat pesawat ringan Australia sejak dua tahun lepas sebagai persediaan membuat sendiri pesawat jenis itu di negara ini dalam tempoh dua tahun lagi.

Perdana Menteri berkata, syarikat Eagle Aircraft yang diambil-alih dengan kos lebih AS\$10 juta itu, kini dikuasai 50 peratus Kerajaan Malaysia, menerusi sebuah syarikat yang ditubuhnya, manakala baki ekuiti dimiliki Petronas.

"Syarikat itu yang kini beroperasi di Australia sedang menyiapkan tempahan sebanyak 10 buah pesawat latihan dari negara itu," katanya pada persidangan akhbar di akhir lawatan dua harinya ke Melaka, di Graha Makmur, di sini.

Katanya, buat masa ini, beberapa orang pekerja Malaysia termasuk jurutera dan pengurus sedang bertugas dengan syarikat itu.

Beliau berkata, Malaysia akan membawa balik syarikat berkenaan ke negara ini tidak lama lagi selepas ia berupaya menunjukkan daya untung yang menggalakkan. -- Lagi.

▼16/04/16-59MST

CNS4530

U GB 16-04 00129 BA244

bah

Mahathir - Pesawat 2 Melaka

Dr Mahathir berkata, syarikat itu sudah memulakan pembuatan pesawat ringan sebelum Malaysia membeli ekuitinya.

"Syarikat itu sudah mula membuat kerjanya (membina pesawat latihan) tetapi menghadapi masalah kewangan. Sebab itu kita boleh membelinya," katanya.

Pada mulanya, kata beliau, kerajaan hanya membeli 50 peratus ekuiti syarikat itu tetapi kemudiannya membuat keputusan mengambil-alih sepenuhnya sebagai pelaburan dalam bidang pembangunan dan penyelidikan di samping persediaan negara memasuki industri pembuatan pesawat ringan.

Bagaimanapun, katanya, syarikat itu belum boleh dibawa balik ke negara ini buat sementara waktu kerana masih belum mendapat perakuan dari Australia.

Katanya, perakuan dari negara itu perlu bagi membolehkan pesawat ringan buatan Malaysia oleh syarikat berkenaan nanti mudah diterima oleh negara-negara lain. -- Lagi.

▼16/04/18-07MST

CNS4556

U GB 16-04 00143 BA248

bah

Mahathir - Pesawat 3 Melaka

Apabila dibawa balik ke Malaysia nanti, Dr Mahathir berkata, syarikat itu akan terus membina pesawat latihan.

"Kita perlu meneruskan kerja-kerja pembuatan pesawat ringan dahulu kerana jurutera dan pekerja kita masih dalam proses mempelajari teknologi itu. Apabila kita sudah dapat pengetahuan mencukupi, kita bolehlah buat yang lain," katanya.

Perdana Menteri berkata, pembelian syarikat itu juga bertujuan meningkatkan keupayaan negara dalam penggunaan teknologi bahan komposit.

Katanya, penggunaan bahan komposit seperti kaca gentian bukan sahaja boleh membuat pesawat yang dibina lebih ringan tetapi juga mudah dibuat manusia tanpa banyak menggunakan mesin.

Dengan kos tenaga buruh di Malaysia yang lebih murah berbanding dengan di Australia, kerajaan yakin industri pembuatan pesawat ringan di negara ini akan menjadi lebih rendah kosnya dan sekali gus mampu bersaing di pasaran antarabangsa. -- Lagi.

▼16/04/18-28MST

CNS4581

U GB 16-04 00149 BA251

bah

Mahathir - Pesawat 4 (Akhir) Melaka

Ketika ditanya mengapa pembelian syarikat itu tidak diumumkan sebelum ini, Dr Mahathir berkata, kerajaan sengaja merahsiakannya kerana tidak mahu memberi harapan tinggi kepada rakyat sebelum pelaburan yang diceburi benar-benar berjaya.

Katanya, kerajaan berpendapat ia perlu melabur dalam bidang-bidang yang mempunyai risiko tinggi dan keuntungan tidak terjamin seperti industri pembuatan pesawat ringan itu dan kemudian menyerahkannya kepada rakyat tempatan selepas menunjukkan keupayaan berdaya untung.

Perdana Menteri berkata, kerajaan yakin industri yang diceburi Malaysia itu boleh berjaya sekiranya ia berhati-hati dan tidak memasuki bidang-bidang yang sudah dikuasai syarikat-syarikat gergasi yang lebih cekap.

"Sebab itu kita pilih pesawat latihan bukan pesawat penumpang," katanya.

Ketika ditanya sama ada kerajaan sudah menentukan di negeri mana kilang membuat pesawat ringan itu akan didirikan, beliau berkata: "Kita belum tentukan lagi". -- Bernama

AH ARA KGO NMO.